

**KEFAHAMAN TERHADAP AL-ASMA' AL-HUSNA DAN KAITANNYA DENGAN CIRI AL-AMANAH MENURUT AL-GHAZALI DALAM KITAB AL-MAQSAD AL-ASNA**

**(Understanding *Al-Asma' Al-Husna* And Its Relation With The Implementation Of *Amanah* (Trustworthiness) According To Al-Ghazali's Thought In *Al-Maqsad Al-Asna*)**

Mohd Hasrul Shuhari<sup>1</sup>, Mohd Fauzi Hamat<sup>2</sup>

**ABSTRACT**

The understanding of *al-Asma' al-Husna* is important in Islam, as clearly indicated in the hadith of the Prophet (P.B.U.H). Any direction and instruction from the Prophet (P.B.U.H) have its significant benefits and advantages to individuals, especially Muslims. Among these benefits is inculcating the characteristics of trust in the mind of Muslims. Thus, this paper aims at examining al-Ghazali's explanation of the methods of understanding *al-Asma' al-Husna*. The paper also aims at clarifying the correlation between the understanding of *al-Asma' al-Husna* and the characteristics of trustworthiness in Muslim individuals. The collected data is based on content analysis research on *al-Maqsad al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna*. The paper concludes that a true comprehension of *al-Asma' al-Husna*, according to al-Ghazali's thought in *al-Maqsad al-Asna*, is capable of developing Muslims' *amanah* (trustworthiness) because of the correlation between the understanding of *al-Asma' al-Husna* and *amanah* (trustworthiness).

Keywords: *al-Asma' al-Husna*, *al-Amanah*, al-Ghazali, *al-Maqsad al-Asna*.

**ABSTRAK**

Kefahaman terhadap *al-Asma' al-Husna* merupakan perkara penting dalam Islam kerana ia telah diperintahkan sendiri oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadisnya. Setiap yang diarahkan oleh baginda s.a.w sudah pasti ada keistimewaannya dan kelebihanannya kepada seseorang individu itu khususnya dalam kalangan umat Islam. Antara keistimewaan tersebut ialah dorongan menyemai ciri *al-amanah* dalam diri seseorang individu Muslim. Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah memahami *al-Asma' al-Husna* menurut al-Ghazali (m. 505). Hubung kait di antara kefahaman terhadap *al-Asma' al-Husna* dan ciri *al-amanah* dalam diri seseorang individu Muslim juga diperjelaskan. Kertas kerja ini menggunakan metodologi analisis kandungan (*content analysis*) yang difokuskan kepada kitab tulisan al-Ghazali iaitu *al-Maqsad al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna*. Kertas kerja ini merumuskan bahawa kaedah kefahaman terhadap *al-Asma' al-Husna* yang betul akan membantu dan mendorong seseorang individu Muslim itu memiliki ciri *al-amanah* kerana terdapat hubung kait yang signifikan di antara kefahaman terhadap *al-Asma' al-Husna* dan ciri *al-amanah* tersebut.

**Kata kunci:** *al-Asma' al-Husna*, *al-Amanah*, al-Ghazali, *al-Maqsad al-Asna*.

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: hasrulshuhari@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: mfhamat@um.edu.my

## Pendahuluan

Penulis kitab *al-Maqsd al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna* ialah Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Ahmad al-Tusi al-Shafi'i dilahirkan pada tahun 450H di Tus. Beliau pernah belajar dengan Imam al-Haramayn (m. 478H) dan merupakan seorang yang sangat pintar dalam pelbagai bidang. Beliau memiliki kitab-kitab yang ditulis dalam pelbagai bidang keilmuan di mana sehingga kini kitab-kitabnya sangat mempengaruhi para pembaca. Majlis-majlis pengajiannya dihadiri oleh para ulama yang terkenal. Beliau digelar *hujjat al-Islam* (penghujah Islam) dan pemikirannya sangat mempengaruhi khazanah intelektual Islam dalam bidang seperti falsafah, tasawuf, teologi dan akhlak. Beliau merupakan salah seorang ulama besar dalam mazhab al-Shafi'i dalam bidang fiqah dan merupakan ulama besar *al-Asha'irah* dalam bidang akidah. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 14 Jamadi al-Akhir 505H dan dikebumikan di Tus ketika umurnya lima puluh lima tahun (Ibn Kathir, 1998; Ibn al-'Imad, 1989; al-Madkur, 2009; Mohd Fakhrudin, 2005 dan Mehmet Vural, 2010).

Berhubung dengan kitab *al-Maqsd al-Asna*, perkataan *al-Maqsd* berasal daripada perkataan *qasada* yang bermaksud menuju kepadanya, memaksudkannya dan menginginkannya. Manakala *al-Asna* berasal daripada perkataan *sana* yang bermaksud menerangi dan tinggi. Perkataan *al-asna* merupakan *ism al-tafdil* (kata nama yang merujuk kepada sifat yang bersangatan) yang memberi erti sangat terang atau sangat tinggi. Jadi, gabungan dua perkataan *al-Maqsd al-Asna*, bermaksud "maksud yang tertinggi atau maksud yang sangat jelas dan terang". Berkenaan perkataan *Asma' Allah al-Husna*, perkataan *asma'* merupakan perkataan *jama'* kepada *ism* yang berasal daripada perkataan *sama* yang bermaksud tinggi. Perkataan *ism* bermaksud sesuatu yang dikenali dengan sesuatu yang lain atau menggunakan dalil tertentu bagi menunjukkan kepadanya (*Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, t.t.; *al-Mu'jam al-Wasit*, 2005 dan *al-Munjid*, 1988).

Dalam bahasa Melayu, *ism* merujuk kepada "nama" yakni bermaksud panggilan atau sebutan bagi orang, barang, tempat, pertubuhan dan lain-lain. Ia juga merujuk kepada gelaran, sebutan, kehormatan, kebaikan, kemasyhuran, maruah dan pujian. Perkataan *al-Husna* yang merupakan perkataan *mu'annath* bagi perkataan *al-ahsan* bermaksud sangat baik. Maka, *Asma' Allah al-Husna* bermaksud nama-nama Allah S.W.T yang sangat baik. (*Kamus Dewan*, 2007; *Al-Mu'jam al-Wasit*, 2005 dan M. Quraish Shihab, 2005) *Al-Asma' al-Husna* berjumlah sangat banyak, namun *al-Asma' al-Husna* yang dimaksudkan di sini ialah *al-Asma' al-Husna* yang berjumlah sembilan puluh sembilan nama seperti yang disenaraikan oleh al-Ghazali di dalam kitab tersebut. Setelah memahami maksud perkataan seperti di atas, maka diterjemahkan nama kitab tersebut seperti berikut, "Maksud Tertinggi dalam Mensyarahkan Nama-nama Allah S.W.T yang Sangat Baik".

Al-Ghazali membahaskan *al-Asma' al-Husna* dengan menulis kitab *al-Maqsd al-Asna* setelah diminta oleh seseorang untuk menjelaskan *al-Asma' al-Husna*. Pada mulanya, beliau teragak-agak kerana persoalan ini perlu ditanggapi secara berhati-hati dan di luar kemampuan manusia untuk membicarakan sifat *rububiyah* Allah S.W.T. Dalam masa yang sama, beliau memahami bahawa, menjawab persoalan yang diajukan oleh orang yang bertanya adalah menjadi kewajiban agama. Al-Ghazali menulis kitab ini ketika beliau berada dalam fasa pengasingan diri setelah selesai menulis kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* dan sebelum beliau menulis kitab *al-Munqidh min al-Dalal*. Mustafa Abu-Sway mengklasifikasikan kitab ini sebagai karya ilmiah yang ditulis dalam tempoh masa pengasingan diri al-Ghazali, sama seperti kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* iaitu di antara tahun 488H - 499H / 1095M - 1106M. Kitab ini membahaskan persoalan akidah di samping akhlak sebagaimana yang dijelaskan dalam subtopik berikutnya (al-Ghazali, 2008; Mustafa 1996; Mohd Abduh 2006; 1988). Selain itu, menurut 'Abd al-Hamid

al-Madkur, ketokohan al-Ghazali dalam pelbagai bidang telah mempengaruhi penulisannya dalam *al-Maqsad al-Asna* sebagaimana berikut: (al-Madkur, temu bual, 2 dan 7 Julai 2010):

...فقيه وأصولي ومتكلم وصوفي... كل هذا له أثر في موضوعات ومسائل الكتاب... الغزالي يجمع كلها؛ لغة وصوفي وأصول الفقه وعلم الكلام...

Terjemahan: ...[Al-Ghazali merupakan seorang] ahli fiqah dan ahli usul dan mutakallim dan ahli sufi...semua ini memberi kesan kepada tajuk-tajuk dan permasalahan kitab [*al-Maqsad al-Asna*]... al-Ghazali menghimpunkan semuanya [dalam kitab *al-Maqsad al-Asna* iaitu]; bahasa, tasawuf, usul fiqah dan ilmu kalam...

### Kaedah Memahami *Al-Asma' Al-Husna* Menurut Al-Ghazali

Di dalam suatu hadis, dinyatakan bahawa nama-nama Allah S.W.T yang elok itu berjumlah sembilan puluh sembilan, sesiapa yang menghitungnya (*ahsaha*) maka dia akan masuk syurga. Sabda Nabi S.A.W:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Terjemahan: Daripada Abu Hurayrah daripada Nabi S.A.W telah bersabda: Sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Sesiapa yang menghitungnya, nescaya akan memasuki syurga. (Muslim, 2010)

Sebenarnya, jumlah *al-Asma' al-Husna* adalah banyak yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T. Berhubung dengan maksud 'menghitungnya (*ahsaha*)' yang mana ganjarannya adalah syurga, ulama telah berbeza pendapat mengenainya. Menurut al-Bukhari, ia merujuk kepada orang yang menghafal nama-nama Allah S.W.T. Pendapat ini disokong dengan riwayat lain yang mempunyai matan '*man hafizaha*' yang bermaksud 'sesiapa yang menghafalnya'. Menurut pendapat lain, maksud orang yang menghitung nama-nama Allah S.W.T ialah orang yang memahami nama-nama Allah S.W.T sebaik-baiknya, menjaga segala tuntutan nama-nama Allah S.W.T dan membenarkan makna-maknanya. Selain itu, ada juga ulama lain yang menjelaskan bahawa ia merujuk kepada orang yang beramal dengan nama-nama Allah S.W.T, taat kepada nama-nama Allah S.W.T dan beriman dengan nama-nama Allah S.W.T tersebut. Disunatkan bagi hamba untuk menterjemahkan makna nama-nama Allah S.W.T di dalam kehidupan agar amalan yang dilakukan itu merupakan amalan yang terbaik sebagai manifestasi peniruan akhlak Allah S.W.T yang unggul. Pada peringkat ini, mereka sudah mencapai tahap *al-ihsa' al-'amali* iaitu beramal dengan nama-nama Allah S.W.T. Berhubung dengan *al-ihsa' al-'amali*, ia akan dapat dicapai jika manusia dapat mengumpul, menghafal dan berdoa kepada Allah S.W.T dengan nama-nama Allah S.W.T tersebut sehinggalah mereka diberi ganjaran istimewa oleh Allah S.W.T. (al-Jawwad, t.t.; Muhammad, 2000; al-Nawawi, 1930 dan al-'Asqalani, 2001).

Menurut al-Ghazali, terdapat tiga peringkat kefahaman *al-Asma' al-Husna*. Peringkat pertama, mencapai *al-ma'rifah* tentang makna nama-nama Allah S.W.T yang indah itu dalam bentuk *mukashafah* (terbuka tabir penutup) dan *mushahadah* (penyaksian mata hati) sehingga seseorang benar-benar jelas memahami hakikatnya dengan jelas dan penuh keyakinan berdasarkan dalil-dalil yang tidak mungkin terkandung di dalamnya kesilapan. Peringkat kedua, merasai keagungan (*al-isti'zam*) dari apa yang mampu dicapai makrifah tentangnya pada

peringkat pertama sehingga memberi dorongan dan keinginan yang kuat untuk seseorang berbudi pekerti (*al-ittisaf*) sekadar yang termampu dengan sifat-sifat tersebut. Mereka akan menghampiri sifat-sifat Allah S.W.T sebagaimana kedudukan para malaikat yang hampir di sisi Allah S.W.T. Jiwa seseorang yang memahami keagungan dan kemuliaan sifat-sifat Allah S.W.T (*al-isti'zam wa istishraf*) akan merindui (*shawq*) sifat-sifat-Nya, mencintai (*'ishq*) kebesaran dan keindahan-Nya dan bergegas menghiasai diri (*al-tahalli*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna sekadar termampu. Jika ia tidak mampu melakukannya dengan sempurna, kerinduannya (*shawq*) akan mendorongnya menghiasai diri sekadar mampu dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Seseorang mungkin tidak merasai kerinduan tersebut disebabkan dua perkara (Al-Ghazali, 2008; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, 2011 dan al-Ghazali, t.t.):

- a) Mereka lemah untuk mencapai makrifah tentang sifat-sifat tersebut atau kurang meyakini salah satu sifat kebesaran dan kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah S.W.T. Ini sepatutnya sudah selesai pada peringkat pertama tadi yakni mencapai *al-ma'rifah* tentang makna nama-nama Allah S.W.T yang indah itu dalam bentuk *mukashafah* (terbuka tabir penutup) dan *mushahadah* (penyaksian mata hati) sehingga seseorang benar-benar jelas memahami hakikatnya.
- b) Hati mereka mungkin lebih merindui (*shawq*) perkara lain. Contohnya, ketika seseorang murid mendapati gurunya memiliki kesempurnaan ilmu, maka sebenarnya terdorong untuk menyerupai dan mengikuti (*al-tashabbuh wa al-iqtida'*) sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh gurunya tersebut. Namun, hasrat tersebut akan terhalang kalau dia berada dalam keadaan yang amat lapar kerana kelaparan tersebut boleh menghalangnya daripada terus berkeinginan untuk mencapai sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh gurunya itu. Maka, wajib bagi seseorang yang meneliti secara serius sifat-sifat Allah S.W.T bagi maksud untuk mencontohinya memiliki hati yang bersih dari berkeinginan untuk mendapat sesuatu matlamat selain daripada Allah S.W.T. Peringkat ini juga dapat disebut pembersihan dan penyucian hati (*tasfiyyat al-qalb wa tazkiyyatuh*).

Peringkat ketiga, berusaha sekadar termampu untuk mencapai sifat-sifat Allah S.W.T dengan cara berakhlak dengannya (*al-takhalluq*) dan menghiasai diri mereka dengan nilai kebaikan yang terkandung dalam sifat-sifat tersebut (*al-tahalli*). Dengan cara ini, mereka akan menjadi seorang *rabbani*, iaitu memperolehi kedudukan yang dekat dengan Allah S.W.T. Dengannya juga mereka akan menjadi teman rapat (*rafiq*) para malaikat yang berada di kedudukan yang amat dekat dengan Allah S.W.T. Sesiapa yang berjaya memastikan terzahirnya sifat-sifat Allah S.W.T pada dirinya maka tercapailah apa yang dinamakan sebagai *al-tajalli* (penjelmaan sifat Allah S.W.T dalam dirinya). Al-Ghazali tidak menggunakan kalimah *al-tajalli* dalam *al-Maqсад al-Asna*, tetapi istilah ini disebut dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Menurutny, keluasan kerajaan seseorang di dalam syurga bergantung kepada keluasan makrifahnya dan sekadar mana *al-tajalli* sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Allah S.W.T dapat diusahakannya (Al-Ghazali, 2008; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, 2011 dan al-Ghazali, t.t.).

Ringkasnya, kaedah kefahaman tersebut boleh difahami berdasarkan tiga peringkat, di mana peringkat pertama, seseorang memberi fokus kepada usaha untuk mencapai *al-ma'rifah* tentang sifat-sifat Allah S.W.T dengan keyakinan yang teguh dan hati yang telah dibersihkan daripada keinginan untuk mencapai matlamat sesuatu yang selain daripada Allah S.W.T. Kemudian, peringkat kedua menekankan pengagungan (*al-isti'zam*) dan pemuliaan (*al-istishraf*) terhadap Allah S.W.T yang mendorong seseorang bersifat (*al-ittisaf*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Dorongan itu melibatkan rindu (*shawq*) dan cinta (*'ishq*) terhadap sifat-sifat-Nya dan sangat menitikberatkan penghiasan diri (*al-tahalli*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna. Jika tidak mampu, maka ia melakukannya berdasarkan kadar kemampuannya yang

ada. Pada peringkat terakhir, ia berusaha bersungguh-sungguh (*iktisab*) untuk berakhlak (*al-takhalluq*) dan menghiaskan diri (*al-tahalli*) dengan sifat-sifat tersebut. Ini melayakkan mereka mencapai kedudukan insan *rabbani* di sisi Allah S.W.T dan menjadi rakan rapat (*rafiq*) kepada para malaikat yang berada di kedudukan tertinggi. Peringkat ini juga dikenali sebagai penjelmaan nilai-nilai mulia dalam perilaku diri (*al-tajalli*).

### Konsep *al-Amanah*

*Al-Amanah* dan juga *al-mas'uliyah* saling berkaitan kerana sesuatu amanah yang diberikan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Jika seseorang itu gagal melaksanakan amanahnya maka ia akan dipertanggungjawabkan dengan diberi balasan yang setimpal. Dari sudut bahasa, *amanah* yang mana lawannya adalah *khiyanah* bermaksud ketenangan hati. Menurut al-Ghazali, perkataan *amanah* diambil dari kata *al-amn* kerana merujuk kepada seseorang yang merasa aman dari perlakuan pelanggaran orang lain terhadap hak-haknya. Manakala *khiyanah* yang diambil dari kata *al-khawn* (kekurangan), merujuk kepada seseorang yang mengkhianati orang lain, di mana ia telah mengurangkan hak-hak orang tersebut (Su'ad al-Hakim, 1981 dan al-Ghazali, 1990).

Firman Allah S.W.T berkenaan amanah yang pernah diberikan kepada langit dan bumi tetapi mereka tidak dapat memikulnya sebaliknya ia dipikul oleh manusia:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا  
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Al-Ahzab 33: 72

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang [untuk memikulnya], maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya), dan [pada ketika itu] manusia [dengan persediaan yang ada padanya] sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Ayat ini menjelaskan tentang penolakan langit, bumi dan gunung-ganang terhadap *al-amanah* yang diberikan oleh Allah S.W.T. Mereka bimbang dengan ketidakupayaan mereka untuk memikul *al-amanah* tersebut atau kebimbangan berlaku khianat sehingga menyebabkan mereka mendapat seksa kelak. *Al-Amanah* dalam ayat ini merujuk kepada ketaatan dan kefarduan yang perlu dilaksanakan di mana ia turut memberi implikasi pahala dan dosa. Al-Ghazali memetik pandangan al-Qurtubi yang merupakan pandangan jumhur ulama iaitu *al-amanah* merangkumi semua *wazaif al-din* (kewajipan keagamaan). Al-Ghazali juga mengaitkan *al-amanah* dengan keimanan yakni tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tiada *al-amanah*. Ini kerana, *al-amanah* juga diambil dari kata *al-iman* maka sesiapa yang menjaga amanah Allah S.W.T maka Allah S.W.T akan menjaga keimanannya. Ia boleh dikaitkan secara langsung dengan ketauhidan. Perbezaan di antara manusia, langit, bumi dan gunung-ganang ialah sanggup memikul *al-amanah* iaitu *al-ma'rifah* dan *al-tawhid*. (al-Ghazali, 1990; Su'ad al-Hakim, 1981 dan al-Ghazali, t.t.)

*Mas'uliyah* merujuk kepada kebertanggungjawaban, manakala dalam Bahasa Inggeris, ialah *accountability*. Dalam aspek akhlak, seseorang akan dipertanggungjawabkan bagi setiap

perkataan dan perbuatannya. Manakala dalam aspek perundangan, tanggungjawab yang digalas ialah memperbaiki kesalahan orang lain berdasarkan perundangan yang telah ditetapkan (*Al-Mawrid*, 1991; *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, 2002, *al-Mu'jam al-Wasit*, t.t.) Firman Allah S.W.T:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ

وَلِتَسْئَلَنَّ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

Al-Nahl 16: 93

Terjemahan: Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu), tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya [menurut undang-undang-Nya] dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya [menurut undang-undang-Nya], dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu telah kerjakan.

Manusia akan ditanya tentang keseluruhan amalan yang telah mereka lakukan. Menurut al-Tabari, setiap apa yang Allah S.W.T tetapkan perintah dan larangan-Nya ke atas manusia, akan ditanya sama ada mereka melakukannya atau sebaliknya. Mereka akan diberi ganjaran berdasarkan ketaatan dan kemaksiatan yang telah mereka lakukan. (Ibn Kathir, 2000 dan al-Tabari, 2001) Bahkan pada Hari Kiamat kelak, anggota badan mereka akan menjawab sendiri segala pertanyaan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا

يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾

Yasin 36: 65

Terjemahan: Pada waktu itu Kami tutup mulut mereka dan [memberi peluang kepada] tangan-tangan mereka memberitahu Kami [tentang kesalahan masing-masing], dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.

Menurut Fakhr al-Din al-Razi, ketika di dunia orang kafir telah ditutup hati mereka sedangkan mulut mereka berbicara, sedangkan ketika di akhirat pula, giliran mulut mereka ditutup, maka yang berbicara mewakili mereka ialah anggota-anggota badan mereka yang lain. Manusia memiliki hati, lidah dan anggota badan, maka jika hati dan lidah tidak lagi boleh berbicara, maka anggota badan yang akan mengambil alih peranan tersebut untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan Allah S.W.T. Al-Ghazali menghuraikan dalam kitab *Bidayat al-Hidayah* cara-cara meninggalkan maksiat zahir dan batin. Menurutnya, maksiat zahir merujuk kepada maksiat yang dilakukan oleh tujuh anggota badan iaitu mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, kedua-dua tangan dan kaki. Anggota badan merupakan nikmat dan amanah yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Jika ia digunakan oleh manusia untuk melakukan maksiat maka mereka telah mengkhianati amanah yang telah diberikan. Al-Ghazali mengaitkan amanah anggota badan ini dengan hadis Rasulullah S.A.W (Al-Razi, 1981 dan Al-Ghazali, 2008; Al-Ghazali, 1990) :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كُنْكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَإِلِمَامٌ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْخَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Terjemahan: Daripada 'Abd Allah ibn 'Umar r.ahuma, bahawasanya dia telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: Setiap dari kamu adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang dipimpinnnya. Maka imam adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang rakyatnya. Dan lelaki (suami) di dalam keluarga adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang berada di bawah pimpinannya. Dan wanita (isteri) di rumah suaminya adalah pemimpin dan akan ditanya tentang apa yang dijaganya. Dan hamba yang menjaga harta tuannya adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang apa yang dijaganya. (Al-Bukhari, 2000)

*Al-Amanah* yang dijaga dan dipelihara dengan baik merupakan sifat bagi para malaikat, para nabi dan rasul a.s serta orang yang bertakwa. *Al-Amanah* bagi pemimpin ialah melaksanakan dakwah agar dapat menginsafkan golongan yang zalim dan menjaga hak-hak orang Islam dan anak-anak yatim. Seseorang ulama memikul *al-amanah* dengan mengajar agama kepada masyarakat. Ibu bapa dipertanggungjawabkan menjaga *al-amanah* mereka dengan memberi didikan kepada anak-anak mereka. Bahkan, *al-amanah* bagi seorang imam yang mengetuai solat jemaah adalah seseorang yang suci batinnya daripada kefasikan, dosa besar dan tidak berkekalan dosa kecil. Ini kerana, imam tersebut bagaikan utusan yang membantu orang lain, maka sudah pasti ia perlu menjadi seseorang yang terbaik dalam kalangan masyarakat (Al-Ghazali, 1990).

Seseorang yang memberi *al-amanah* kepada orang yang tidak berhak juga akan dipertanggungjawabkan, di mana al-Ghazali membawa kisah seorang lelaki badawi yang menegur seorang sultan. Ia memaklumkan kepada sultan tersebut bahawa terdapat sebilangan orang yang berada di sekeliling sultan tersebut yang bersifat lebih mementingkan dunia. Jadi, ia menasihati sultan tersebut agar berhati-hati memberi *al-amanah* kepada mereka untuk melakukan sesuatu kerana sultan akan bertanggungjawab kerana bermudah-mudah dalam memberi *al-amanah* tersebut (Al-Ghazali, 1990). Firman Allah S.W.T:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Al-Nisa' 4: 58

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, [Allah menyuruh] kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan [suruhan-Nya] itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Rumusannya ialah *al-amanah* dan juga *al-mas'uliyah* merujuk kepada sesuatu yang diberi kepada seseorang yang untuk dilaksanakan atau dijaga dengan baik dan ia akan dipertanggungjawabkan jika terdapat kesalahan atau khianat. Jika berlaku sedemikian, maka seseorang yang diberi *al-amanah* tersebut akan dipertanggungjawabkan dan akan berhadapan

dengan hukuman setimpal dengan kesalahannya tersebut. Antara *al-amanah* yang dimaksudkan adalah semua kewajipan yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada manusia dan mereka akan diseksa jika gagal melaksanakannya. Sesiapa yang berjaya, maka Allah S.W.T akan memberi ganjaran pahala apatah lagi *al-amanah* sangat berkaitan dengan *al-iman* di mana jika manusia menjaganya maka *al-iman* mereka akan dijaga. Antara ciri-ciri yang bertentangan dengan ciri *al-amanah* dan juga *al-mas'uliyah* ialah rasuah, khianat, mungkir janji, penyelewengan, salah guna kuasa dan seumpamanya.

### Hubung Kait antara *Al-Asma' al-Husna* dan *al-Amanah*

Terdapat lima puluh empat *al-Asma' al-Husna* yang berkaitan dengan ciri *al-amanah* dan juga *al-mas'uliyah* iaitu *al-Rahman, al-Rahim, al-Malik, al-Salam, al-Mu'min, al-Muhaymin, al-'Aziz, al-Jabbar, al-Khaliq, al-Bari', al-Musawwir, al-Qahhar, al-Razzaq, al-Fattah, al-Qabid, al-Basit, al-Khafid, al-Rafi', al-Sami', al-Basir, al-Hakam, al-'Adl, al-Latif, al-Khabir, al-Shakur, al-Kabir, al-Hafiz, al-Muqit, al-Karim, al-Raqib, al-Mujib, al-Hakim, al-Wadud, al-Ba'ith, al-Shahid, al-Wakil, al-Waliyy, al-Samad, al-Muqaddim, al-Muakhkhir, al-Wali, al-Muntaqim, al-Ra'uf, Malik al-Mulk, al-Ghaniyy, al-Mughniyy, al-Mani', al-Dar, al-Nafi', al-Nur, al-Hadi, al-Warith, al-Rashid* dan *al-Sabur*. Namun, tidak dinafikan bahawa *al-Asma' al-Husna* yang lain juga boleh dikaitkan dengan ciri ini tetapi *al-Asma' al-Husna* yang dipilih ini dilihat lebih dekat kesannya kepada pembentukan ciri ini.

*Al-Asma' al-Husna* yang memberi kesan kepada pembentukan ciri *al-amanah* pada aspek bertanggungjawab menjaga amanah anggota badan dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T: (Al-Ghazali, 2008)

- 1) *Al-Malik* dan *Malik al-Mulk*: Seseorang yang memahami *al-Malik* tidak memiliki dan tidak memerlukan sesuatu apa pun melainkan Allah S.W.T. Ia juga memiliki kerajaannya sendiri di mana ia ditaati oleh tentera dan rakyatnya. Kerajaan khasnya adalah hatinya, tenteranya adalah syahwat dan kemarahannya, dan rakyatnya adalah lidah, mata, kedua-dua tangan dan seluruh anggota badannya yang akan mentaatinya. Begitu juga *Malik al-Mulk*, di mana ia menekankan bahawa setiap manusia mempunyai kerajaan sendiri iaitu tubuh badan mereka. Maka, ia adalah pentadbir dan pemerintah kerajaannya ini mengikut kehendak masing-masing dengan menentukan gerak hati dan tindakan anggota badan mereka. Apabila nilai ini dicapai, ia menjaga semua anggota badannya dengan baik dan memastikannya tidak digunakan untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan amanah seperti khianat, penyelewengan dan lain-lain.
- 2) *Al-Salam, al-Qahhar, al-'Adl* dan *al-Sabur*: Keempat-empat nama ini menjelaskan tentang penguasaan agama dan akal manusia ke atas hawa nafsunya. Seseorang yang memahami *al-Salam* akan sejahtera daripada niat hatinya yang jahat. Manakala akalnya berjaya menguasai hawa nafsu dan perasaan marahnya. Manakala seseorang yang memahami *al-Qahhar* akan mendorong seseorang itu menundukkan musuh utamanya iaitu hawa nafsunya di bawah kawalan agama dan akalnya. Jika ia berjaya menundukkan hawa nafsunya, maka ia akan berjaya menundukkan syaitan kerana syaitan memerangkap manusia melalui keinginan hawa nafsunya seperti keinginan terhadap wanita. Berhubung dengan *al-'Adl*, kesan kefahamannya ialah seseorang itu akan memastikan akal, agama, nafsu dan kemarahannya berada pada tempat yang sesuai. Ia berlaku adil apabila menjadikan akal dan agamanya menguasai hawa nafsu dan kemarahannya. Jika sebaliknya maka ia telah melakukan kezaliman. Seseorang yang memahami *al-Sabur*, ia akan memiliki kesabaran, di mana akal atau agamanya konsisten dalam menghadapi kecenderungan syahwat atau kemarahannya. Apabila kedua-dua kecenderungan ini saling bersaing, maka akal dan agamanya berjaya untuk

menghalanginya dari bersifat tergesa-gesa dan tidak cenderung kepada kehendak nafsunya. Kesan kefahaman terhadap nama-nama ini akan mendorong seseorang itu bertanggungjawab mengawal salah satu daripada entiti dalaman manusia iaitu hawa nafsunya berpandukan akal dan agamanya. Apabila ia berjaya melakukannya, akal dan agamanya akan menghindarinya dari melakukan perbuatan yang tidak amanah.

- 3) *Al-Quddus, al-Muhaymin, al-Hafiz, al-Mani'* dan *al-Raqib*: Kesan kefahaman dari keempat-empat nama ini menekankan tentang kawalan dan pengawasan terhadap sesuatu. Seseorang yang memahami *al-Quddus* akan membebaskan ilmu pengetahuannya dari perkara-perkara khayalan dan tanggapan haiwaniah apabila ingin mengetahui sesuatu perkara atau mencapai makrifah Allah S.W.T. Ia juga akan membebaskan keinginannya dari hawa nafsu, makanan yang sedap, perkahwinan, pakaian dan seumpamanya. Seseorang yang memahami *al-Muhaymin* akan mengawasi dan menguasai secara komprehensif terhadap hati, perbuatan, sifat dan seluruh keadaan yang dihadapinya secara konsisten. Begitu juga, seseorang yang memahami *al-Hafiz* akan menjaga hati sanubari dan agamanya agar terpelihara dari godaan hawa nafsu dan tipu daya syaitan yang boleh menjerumuskannya ke arah kebinasaan. Manakala, seseorang yang memahami *al-Raqib* yang maknanya juga merujuk kepada *al-Hafiz*, ia akan mengawasi hatinya semata-mata kerana Allah S.W.T. Ia merasakan bahawa ia sentiasa diperhatikan dan diawasi oleh Allah S.W.T pada setiap sesuatu yang dilakukannya. Ia akan mengawasi segala tipu daya dan godaan syaitan dan nafsunya yang merupakan musuhnya agar ia tidak lalai dan melakukan kesilapan. Seseorang yang memahami *al-Mani'* akan memahami bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan yang menghalang segala penyebab kerosakan di dalam agama dan tubuh badan dengan membuat persediaan untuk menjaganya. Seseorang yang mencapai nilai yang terkandung dalam *al-Mani'* akan berusaha menghalang segala kerosakan terhadap anggota badan yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T agar dijaganya dengan baik. Pengawasan yang dilakukan oleh seseorang itu terhadap anggota badan dalaman dan luaran akan membantunya menjadi seseorang yang beramanah dan bertanggungjawab. Ini mendorongnya menjadi individu yang amanah.
- 4) *Al-Khabir* dan *al-Shahid*: Kesan kefahaman *al-Khabir* ialah seseorang itu akan mengetahui secara jelas tentang perkara yang tersembunyi berhubung dengan hati dan tubuh badannya. Antaranya ialah penipuan, khianat, mementingkan urusan dunia, bertujuan buruk dan menzahirkan kebaikan tanpa keikhlasan. Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa huraian nama Allah S.W.T yang lain iaitu *al-Shahid* juga menghampiri nama ini. Hati dan tubuhnya adalah amanah yang dikurniakan kepadanya untuk dijaga dan diguna sebaiknya. Ini mendorongnya agar menghindari dirinya dari sifat yang tidak amanah seperti penipuan dan khianat sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh al-Ghazali.
- 5) *Al-Sami'*: Kesan kefahamannya ialah seseorang itu memahami bahawa Allah S.W.T menganugerahkan deria pendengaran kepadanya agar ia sentiasa mendengar al-Quran dan mengambil iktibar dengannya hingga dapat membimbingnya ke jalan yang benar. Deria pendengaran merupakan salah satu dari deria pancaindera yang diamanahkan oleh Allah S.W.T kepada manusia untuk digunakan oleh manusia dengan bertanggungjawab. Maka ia akan menjadi seseorang yang amanah.
- 6) *Al-Basir*: Kesan kefahamannya ialah seseorang akan memahami bahawa Allah S.W.T menganugerahkan kepadanya deria penglihatan adalah bertujuan untuk memerhatikan tanda-tanda kebesaran-Nya seperti di langit dan mengambil iktibar daripadanya. Deria penglihatan juga amanah yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Apabila ia diguna dengan baik untuk melihat kebesaran Allah S.W.T dan menghindari diri dari melihat rahsia syarikat, aurat wanita dan lain-lain maka ia merupakan seseorang yang amanah.

- 7) *Al-Shakur*: Seseorang yang memahami nama ini akan mengetahui bahawa sebaik-baik cara untuk seseorang bersyukur kepada Allah S.W.T ke atas nikmat yang diberikan ialah ia akan menggunakan nikmat tersebut untuk mentaati-Nya bukan untuk menderhakai-Nya. Apabila nilai ini dicapai, seseorang yang dikurniakan kepadanya sesuatu jawatan yang tinggi, tidak akan disalahgunakannya untuk menindas orang lain, menambah kekayaan secara tamak dan seumpamanya. Ini mendorongnya untuk menghindari sifat-sifat yang bersalahan dengan sifat amanah.
- 8) *Al-Waliyy* dan *al-Muntaqim*: Kesan kefahaman terhadap *al-Waliyy* akan mendorong seseorang itu mencintai Allah S.W.T dan memusuhi musuh-musuh-Nya dari kalangan hawa nafsu dan syaitan. Begitu juga apabila seseorang itu memahami *al-Muntaqim*, ia akan menghukum musuh-musuh Allah S.W.T iaitu nafsunya sendiri. Ia akan menghukum nafsunya sendiri bagi apa jua pun maksiat yang ditimbulkan atau menyebabkannya kurang beribadah. Antara contoh hukuman yang boleh dilakukan ialah dengan melakukan ibadah, denda yang biasa dilaksanakan oleh pihak sekolah kepada pelajar, penjara dan seumpamanya. Setelah nafsunya dilemahkan melalui hukuman, ia akan terhindar dari ciri-ciri yang bertentangan dengan sifat amanah seperti rasuah, pecah amanah dan lain-lain.

*Al-Asma' al-Husna* yang memberi kesan kepada pembentukan ciri *al-amanah* pada aspek melakukan sesuatu dengan sempurna: (Al-Ghazali, 2008)

- 1) *Al-Khaliq*, *al-Bari'* dan *al-Musawwir*: Seseorang yang mencapai nilai yang terkandung dalam *al-Khaliq* dan *al-Bari'*, ia menggunakan kekuatan yang dimilikinya berdasarkan ilmu yang diberikan oleh Allah S.W.T. Ia berusaha bersungguh-sungguh contohnya dalam bidang seperti perkilangan, politik, ibadah dan seumpamanya dengan mencipta sesuatu yang tidak pernah wujud sebelumnya. Kemudian, segala yang diciptanya dapat dibentuk untuk selari dengan kebaikan yang bakal terhasil daripada penggunaannya. Manakala, seseorang yang mencapai nilai yang terkandung dalam *al-Musawwir* ialah ia akan melakukan sesuatu berdasarkan apa yang diketahuinya seperti ilmunya tentang gambaran sesuatu membuatnya membentuk sesuatu berdasarkan gambaran tersebut. Seseorang yang amanah akan bertanggungjawab melakukan sesuatu pekerjaan berdasarkan ilmu pengetahuannya dengan sempurna. Ia memastikan hasil kerjanya menepati arahan dan gambaran yang telah diberikan kepadanya dan segala ciptaan baru akan memberi impak positif.
- 2) *Al-Hakam* dan *al-Hakim*: Kedua-dua nama ini menjelaskan tentang kebijaksanaan. Seseorang yang memahami *al-Hakam* akan mentadbir dirinya dengan berlatih secara bersungguh-sungguh mengurus urusan dunia seperti politik untuk kemaslahatan agama dan dunia dalam kalangan masyarakat. Ini kerana, Allah S.W.T melantik manusia sebagai khalifah di bumi untuk melihat bagaimana mereka memakmurkannya. Manakala seseorang yang memahami *al-Hakim* akan memperolehi hikmah yang teragung iaitu mengenali Allah S.W.T. Apabila seseorang itu mengenali Allah S.W.T, segala tutur kata dan tindakannya berbeza jika dibandingkan dengan orang lain. Ia hanya mengucapkan perkara yang penting dan segala tindakannya adalah tidak mengutamakan urusan kebaikan yang sementara sebaliknya lebih banyak memfokuskan kepada kemaslahatan akhirat. Hasil kerjanya contohnya dalam kerja pertukangan akan dilakukan dengan penuh ketelitian dan sempurna. Kebijaksanaan dalam nama *al-Hakam* merujuk kepada keupayaan seseorang merancang dan mentadbir sesuatu dan berusaha agar segala perancangannya tercapai. Manakala kebijaksanaan dalam nama *al-Hakim* merujuk kepada makrifah seseorang itu kepada Allah S.W.T dan mendorongnya mengutamakan sesuatu yang penting dan memastikan segala gerak kerjanya sempurna. Kedua-dua nama ini akan mendorongnya menjadi individu yang amanah.

- 3) *Al-Karim*: Allah S.W.T adalah Tuhan yang memenuhi janji-janji-Nya. Al-Ghazali menjelaskan bahawa hamba-hamba Allah S.W.T boleh menghiasi diri mereka dengan sifat-sifat yang dinyatakan. Sifat yang dinyatakan yang dapat dikaitkan dengan nilai amanah ialah memenuhi janji. Seseorang yang memenuhi janjinya merupakan seorang yang beramanah dan bertanggungjawab kerana telah mengotakannya.
- 4) *Al-Wakil*: Al-Ghazali tidak menyatakan kesan kefahaman terhadap nama ini kepada manusia. Namun, kesan itu dapat dilihat pada makna nama ini. Nama ini bermaksud Allah adalah Tuhan yang diwakilkan kepada-Nya segala urusan dan Dia dapat memenuhi pelaksanaannya dan menyempurnakannya dengan penuh sempurna. Nilai yang terkandung dalam nama ini ialah seseorang itu akan mengurus, menjaga atau mengerjakan sesuatu perkara yang diamanahkan kepadanya dengan sebaik-baiknya. Ini membantunya untuk menerapkan ciri amanah di dalam dirinya.
- 5) *Al-Wali*: Allah S.W.T adalah Tuhan yang mentadbir dan mengurus segala urusan makhluk-makhluk-Nya. Ia melibatkan elemen pentadbiran, kekuatan dan perbuatan yang mutlak dari Allah S.W.T di mana nama *al-Wali* tidak sempurna jika tiada elemen-elemen tersebut. Terdapat tiga perkara yang menjelaskan tentang nama *al-Wali* yang mutlak bagi Allah S.W.T yakni pertama, Dia mentadbir secara bersendirian, kedua, Dia yang memberi jaminan dalam pentadbiran dan merealisasikan pelaksanaannya, dan ketiga, Dia melaksanakan pentadbirannya dengan memastikan survival semua yang ditadbirnya. Berdasarkan makna yang terkandung dalam nama ini, seseorang yang memahami nama ini, ia akan menguruskan dan mentadbir segala tugas yang diberikan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Ia memastikan segala urusan tersebut berjalan dengan lancar dan konsisten. Jika ia berjaya dicapai, ia akan mendorongnya untuk menerapkan ciri amanah di dalam dirinya.
- 6) *Al-Warith*: Allah S.W.T adalah Tuhan yang kembali kepada-Nya segala warisan setelah pemiliknya sudah tiada. Ini kerana, hanya Dia yang kekal setelah kehancuran semua makhluk. Hamba Allah S.W.T dalam kalangan *arbab al-basa'ir* (golongan yang berfikir) akan merasakan bahawa setiap hari bahkan sejak azali dan selama-lamanya bahawa pemilik yang sebenar adalah Allah S.W.T meskipun mereka belum dihancurkan. Ini menunjukkan isyarat kefahaman tauhid apabila merasakan Allah S.W.T bersendirian di dalam kerajaan-Nya. Apabila seseorang individu memahami nama ini, ia tahu bahawa segala urusan yang dilaksanakan olehnya merupakan sesuatu yang diamanahkan untuk sementara di mana pemilik mutlaknya adalah Allah S.W.T. Ia akan melaksanakan tanggungjawabnya tersebut selari dengan kehendak pemilik asalnya dengan mematuhi segala suruhan dan menjauhi larangan-Nya. Ini menepati sifat orang yang amanah.
- 7) *Al-Rashid*: Allah S.W.T adalah Tuhan yang mengatur pentadbiran-Nya secara tersusun untuk menepati kehendak-kehendak-Nya berdasarkan sunnah-Nya yang lurus, tanpa memerlukan petunjuk dari penunjuk, dan pembetulan dari makhluk yang lain dan bimbingan dari pembimbing. Allah S.W.T membimbing setiap hamba dengan hidayah yang dianugerahkan-Nya agar menepati kebenaran yang diingini-Nya dalam agama dan dunia mereka. Seseorang yang memahami nama ini, ia akan memastikan pengurusan kerja sehariannya adalah teratur dan menepati kehendak agama sekali gus menepati apa yang ditekankan dalam sifat-sifat individu yang beramanah. Kerja yang tidak menepati kehendak agama akan disiapkan dengan cara menipu, rasuah dan lain-lain yang menyebabkan seseorang itu menjadi individu yang tidak beramanah.

*Al-Asma' al-Husna* yang memberi kesan kepada pembentukan ciri *al-amanah* pada aspek bertanggungjawab terhadap ilmu dan nikmat-nikmat selainnya yang diamanahkan oleh Allah S.W.T kepadanya dengan cara memudahkan urusan agama dan dunia orang lain menuju jalan kebenaran: (Al-Ghazali, 2008)

- 1) *Al-Rahman, al-Rahim, al-Wadud* dan *al-Ra'uf*: Seseorang yang memahami *al-Rahman* akan sentiasa mengasihi orang yang lalai dengan menasihatinya agar mengingati Allah S.W.T. Manakala seseorang yang memahami *al-Rahim* akan sentiasa berusaha memenuhi keperluan orang lain yang amat memerlukan sekadar kemampuan yang ada padanya. Manakala, *al-Wadud* yang maksudnya hampir dengan *al-Rahim* di mana seseorang yang memahaminya akan inginkan hamba-hamba Allah S.W.T yang lain mencapai kebaikan sebagaimana yang ia inginkan untuk dirinya. Bahkan dia lebih mementingkan orang lain berbanding dirinya sendiri. Meskipun dia dianiayai, dia tetap tidak membatalkan hasratnya untuk berbakti kepada si penganiaya tersebut. Begitu juga *al-Ra'uf* di mana kesan kefahaman terhadap nama *al-Ra'uf* adalah sama dengan nama *al-Rahim*. Ini kerana, al-Ghazali menjelaskan bahawa maknanya adalah *dhu al-ra'fah* yakni mempunyai kesantunan di mana kesantunan itu bermaksud *shiddat al-rahmah* (kasih sayang yang kuat) atau bermaksud *al-rahim ma'a al-mubalaghah* (pengasih yang bersangatan). Ini menunjukkan sikap tanggungjawab yang dapat ditonjolkan oleh seseorang itu antaranya ialah ia berusaha menasihati dan membantu rakannya sedaya upayanya dengan penuh kasih sayang. Ilmu dan apa-apa nikmat yang dimilikinya merupakan amanah yang akan dikongsikan dengan orang lain. Individu yang beramanah akan merasakan bahawa ia bertanggungjawab menggunakan amanah yang diberikan tersebut dengan sebaiknya.
- 2) *Al-Malik, al-'Aziz, al-Ghaniyy* dan *al-Mughniyy*: Persamaan pada kesan dari kefahaman keempat-empat nama ini ialah seseorang yang memahaminya akan mendorong orang lain menaruh kepercayaan kepadanya untuk membantu urusan mereka. Seseorang yang memahami *al-Malik* akan diperlukan oleh masyarakat untuk membimbing mereka sekadar kemampuannya agar mereka mendapat hidayah dari Allah S.W.T. Begitu juga *al-'Aziz*, di mana seseorang yang memahaminya akan diperlukan oleh makhluk-makhluk yang lain untuk kepentingan urusan mereka iaitu berkaitan dengan kehidupan akhirat dan kebahagiaan abadi. Kefahaman terhadap *al-Ghaniyy* dan *al-Mughniyy* mempengaruhi seseorang itu menjadi orang yang diperlukan oleh orang lain untuk manfaat mereka. Apabila seseorang itu dianggap penting dan diperlukan oleh masyarakat, ini menunjukkan ia memiliki sesuatu yang turut diingini oleh mereka. Jika sesuatu yang diperlukan oleh masyarakat tersebut ialah ilmu, maka ilmu tersebut akan digunakan untuk membimbing dan membantu masyarakat dalam sesuatu urusan sekali gus melayakkannya bergelar individu beramanah.
- 3) *Al-Mu'min, al-Hakam, al-Fattah, al-Samad* dan *al-Rashid*: Seseorang yang memahami *al-Mu'min* akan membuatkan orang lain berasa aman dan mereka akan memohon bantuan darinya untuk menghilangkan kerosakan dalam urusan dunia dan agama mereka. Ia juga membantu orang lain agar jauh dari azab Allah S.W.T dan membimbing mereka kepada hidayah-Nya. Apabila *al-Hakam* difahami dengan baik, seseorang itu akan mentadbir dirinya dengan berlatih secara bersungguh-sungguh mengurus urusan dunia seperti politik untuk kemaslahatan agama dan dunia dalam kalangan masyarakat. Ini kerana, Allah S.W.T melantik manusia sebagai khalifah di bumi untuk melihat bagaimana mereka memakmurkannya. Seseorang yang memahami *al-Fattah*, ia akan memberi sumbangan kepada masyarakat dengan menjelaskan kepada mereka tentang Allah S.W.T. Ia juga menggunakan segala ilmunya untuk membantu manusia untuk memudahkan urusan keagamaan dan keduniaan mereka. Manakala, seseorang yang mencapai nilai yang terkandung dalam *al-Samad* akan menjadi tumpuan orang ramai untuk diambil manfaat pada agama dan urusan dunia mereka. Ia juga membiasakan lidah dan tangannya untuk memenuhi segala keperluan orang lain. Berhubung dengan *al-Rashid*, al-Ghazali menjelaskan bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan yang membimbing setiap hamba dengan hidayah yang dianugerahkan-Nya agar menepati kebenaran yang diingini-Nya dalam agama dan dunia mereka. Dapat difahami dari

makna *al-Rashid* ialah, seseorang yang memahaminya akan terdorong untuk membimbing orang lain untuk manfaat agama dan dunia mereka. Jadi, persamaan pada nama-nama ini ialah kesannya dapat mendorong seseorang itu bertanggungjawab untuk membantu dan membimbing orang lain dalam urusan agama dan dunia mereka. Di sini dapat dilihat kepentingan ciri ini kerana ia tidak mementingkan diri sendiri sahaja.

- 4) *Al-Muhyamin*: Kefahaman seseorang terhadap nama ini akan mendorongnya mengawasi hamba-hamba Allah S.W.T yang lain dengan mengajak mereka menuju ke arah kebenaran. Seseorang yang mengajak orang lain kepada kebenaran merupakan seseorang yang bertanggungjawab. Institut Malaysia (IIM) sebagai contoh telah mewujudkan Pelan Nasional (PIN) untuk memantau pengalaman di Malaysia. Individu-individu yang mengamalkan nilai dan berperanan menyeru kepada pengamalan merupakan usaha yang baik untuk menerapkan ciri-ciri di dalam diri setiap individu dalam kalangan masyarakat.
- 5) *Al-Jabbar*, *al-Latif* dan *al-Kabir*: Persamaan pada ketiga-tiga nama ini ialah kesannya dapat mendorong seseorang itu dicontohi akhlaknya. Seseorang yang memahami *al-Jabbar* akan mencapai kedudukan yang menarik perhatian ramai untuk menuruti jejak langkahnya. Akhlaknya telah mempengaruhi orang ramai untuk mencontohinya. Seseorang yang memahami *al-Latif* akan mendekati mereka dengan baik dan sopan untuk menyeru mereka ke arah mentaati Allah S.W.T dan membimbing mereka agar mencapai kebahagiaan di akhirat. Antara cara yang baik untuk membimbing mereka adalah ia sendiri mengamalkan kehidupan yang diredai Allah S.W.T yang dipenuhi dengan amalan kebaikan. Cara ini akan menarik hati mereka untuk mencontohi sifat-sifatnya dan ini lebih berkesan berbanding ia menggunakan kata-kata nasihat. Manakala, seseorang yang memahami *al-Kabir* ialah seseorang yang *al-kamil* (sempurna) yang tiada kekurangan pada sifat-sifatnya bahkan turut mempengaruhi orang lain apabila mereka bergaul dengannya. Kesempurnaan seseorang hamba ialah pada akal, warak dan ilmunya. Ia merupakan orang yang berilmu, bertakwa, pembimbing orang lain dan soleh yang menjadi contoh ikutan kepada orang lain. Kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada seseorang yang berkemampuan untuk mempengaruhi orang lain perlu digunakan pada jalan yang benar. Kelebihan yang dimiliki ini perlu digunakan untuk menerapkan ciri di dalam diri setiap individu Muslim di dalam masyarakat.
- 6) *Al-Razzaq* dan *al-Muqit*: Seseorang yang memahami *al-Razzaq* akan memahami bahawa Allah S.W.T menganugerahkan kepadanya ilmu untuk ia membimbing, lidah untuk ia mengajar dan tangan untuk ia bersedekah kepada orang lain. Ia berjaya memiliki sifat ini apabila ia menjadi perantara di antara Allah S.W.T dan hamba-hambanya dengan menyampaikan rezeki Allah S.W.T kepada mereka. Seseorang yang menjaga amanah akan menggunakan ilmu, lidah dan tangannya untuk membimbing, mengajar dan bersedekah kepada orang lain. Ilmu dan anggota badan merupakan amanah dari Allah S.W.T kepada manusia. Begitu juga kesan kefahaman terhadap *al-Muqit* dapat mendorong kepada kesan yang sama. Ini kerana, ia juga bermakna *al-Razzaq* tetapi ia lebih khusus daripadanya kerana *al-Razzaq* meliputi makanan dan bukan makanan sedangkan *al-Muqit* berkaitan makanan yang boleh beri manfaat secara khusus kepada manusia sama ada makanan untuk tubuh badan atau makanan untuk hati. Ia juga bermakna menguasai sesuatu di mana ia merujuk kepada Allah S.W.T berkuasa ke atasnya. Seseorang yang beramanah akan menggunakan segala nikmat yang diberikannya dengan amanah dan menggunakannya untuk membantu masyarakat.
- 7) *Al-Qabid* dan *al-Basit*: Seseorang yang memahami kedua-dua nama ini akan mengingatkan orang lain tentang nikmat-nikmat Allah S.W.T dan memberi peringatan tentang kebesaran, keagungan dan azab-azab-Nya yang pedih. Seseorang yang beramanah akan bertanggungjawab mengingatkan orang lain tentang nikmat dan

- memberi peringatan agar tidak mengkufurinya. Seseorang yang menggunakan tangannya untuk mencuri, maka ia perlu diberi peringatan. Ini secara tidak langsung akan mendorongnya untuk menghindari sifat yang tidak beramanah tersebut.
- 8) *Al-Khafid* dan *al-Rafi'*: Seseorang yang memahami kedua-dua nama ini akan meninggikan kebenaran dan merendahkan kebatilan. Ia akan membantu golongan yang menyeru ke arah kebenaran dan menghalang segala tindakan golongan yang membawa ke arah kebatilan. Kedua-dua nama ini akan mendorong seseorang itu rasa bertanggungjawab untuk menegakkan kebenaran, membasmi kebatilan dan membantu golongan yang menegakkan kebenaran tersebut. Ini juga akan membantu untuk meningkatkan bilangan individu yang beramanah dan mengurangkan golongan yang tidak beramanah.
  - 9) *Al-'Adl*: Seseorang yang memahami nama ini akan mendorong seseorang pemimpin dan ketua keluarga itu bertindak adil dengan melakukan peranannya dengan sebaik mungkin ke atas orang bawahan dan jagaannya. Pemimpin masyarakat dan ketua keluarga yang amanah dan bertanggungjawab akan berkhidmat dengan sebaiknya kepada masyarakat dan ahli keluarganya. Seseorang pemimpin yang ingin menerapkan ciri-ciri di dalam dirinya, ia boleh melakukannya dengan memahami nama ini.
  - 10) *Al-Ba'ith*: Seseorang yang memahaminya akan memastikan orang lain berubah dari kejahilan kepada berpengetahuan. Ia memberi faedah kepada orang lain dengan mengajarkan ilmu kepada mereka dan ia membimbing mereka menuju kepada Allah S.W.T. Nama ini juga mendorong seseorang itu tidak mementingkan dirinya di samping bertanggungjawab terhadap ilmu yang diamanahkan kepadanya dengan menggunakan dalam dakwah dan pengajaran. Ini akan melatih seseorang itu menjadi individu yang beramanah.
  - 11) *Al-Muqaddim* dan *al-Muakhkhir*: Allah S.W.T adalah Tuhan yang mendekatkan dan menjauhkan di mana mendekatkan itu merujuk kepada mendahulukan dan menjauhkan itu merujuk kepada mengakhirkan. Allah S.W.T mendahulukan para nabi a.s dan para wali dengan mendekatkan mereka kepada-Nya dan memberi hidayah kepada mereka. Al-Ghazali menjelaskan secara ringkas bahawa hamba Allah S.W.T dapat mencapai nilai yang terkandung dalam nama ini pada aspek perbuatan adalah sudah jelas dan tidak perlu dijelaskan secara terperinci lagi. Apa yang boleh difahami dari penjelasan al-Ghazali ini ialah seseorang yang memahami nama ini, ia akan bertanggungjawab membantu orang lain mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan mengutamakan orang yang baik untuk diberi amanah dalam melakukan sesuatu. Apabila seseorang mencapai nilai ini, ia akan mengutamakan individu yang beramanah dalam pemilihan penjawat awam mahupun swasta dalam sesuatu pekerjaan.
  - 12) *Al-Dar* dan *al-Nafi'*: Allah S.W.T adalah Tuhan yang menciptakan kebaikan, keburukan, manfaat dan mudarat. Perbuatan ini disandarkan kepada Allah S.W.T sama ada ia melibatkan perantaraan seperti para malaikat, manusia dan sebagainya mahupun tanpa perantaraan. Al-Ghazali tidak menjelaskan kesan kefahaman dari nama ini, namun dapat difahami dari maksud nama ini ialah, apabila seseorang itu mencapai nilai yang terkandung dalam nama ini, maka antara tanggungjawab yang perlu dipikul ialah ia akan berusaha untuk memberi manfaat dan kebaikan kepada orang lain dan menghalang diri sendiri dan orang lain dari menyebabkan kemudaratatan dan kejahatan. Antara kebaikan yang boleh dilakukan oleh seseorang individu yang beramanah ialah menjaga barang yang diamanahkan kepadanya dengan baik dan menghindari sifat pecah amanah dan khianat.
  - 13) *Al-Nur* dan *al-Hadi*: Allah S.W.T adalah Tuhan Yang Zahir hakikat diri-Nya dan menzahirkan kewujudan-Nya kepada orang lain. Dia juga adalah Tuhan yang mengeluarkan setiap sesuatu daripada kegelapan ketidakwujudan kepada kejelasan kewujudan. Dan kewujudan itu adalah *nur* yang melimpahi ke atas semua sesuatu

daripada *nur Dhat-Nya*, maka Dia adalah *nur* bagi segala langit dan bumi. Al-Ghazali tidak menjelaskan secara lanjut kesan kefahaman terhadap nama ini kepada akhlak manusia. Berdasarkan maksud yang terkandung dalam nama ini, seseorang itu dapat mencapai nilai akhlak pada nama ini di mana ia akan mencontohi Allah S.W.T agar memastikan orang lain mencapai cahaya hidayah Allah S.W.T dan ia memudahkan urusan orang lain yang seolah-olah ia telah mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya. Begitu juga seseorang yang memahami *al-Hadi* akan membimbing manusia menuju jalan yang lurus dan mencapai kebahagiaan di akhirat. Namun, Allah S.W.T yang berkuasa mutlak memberi hidayah melalui perantaraan mereka. Antara amalan beramanah yang dilakukan oleh seseorang yang ingin membimbing manusia mencapai hidayah dan menuju jalan yang benar ialah menasihati mereka agar menjauhi perbuatan khianat, dusta, politik wang dan lain-lain dan juga menyeru mereka agar bersifat amanah, benar, kebolehpercayaan dan lain-lain.

Rumusannya, seseorang yang ingin menerapkan ciri dalam dirinya seperti ciri *al-amanah* dan juga *al-mas'uliyah*, ia boleh memahami lima puluh empat *al-Asma' al-Husna* tersebut. *Al-Asma' al-Husna* tersebut ialah *al-Rahman, al-Rahim, al-Malik, al-Salam, al-Mu'min, al-Muhymin, al-'Aziz, al-Jabbar, al-Khaliq, al-Bari', al-Musawwir, al-Qahhar, al-Razzaq, al-Fattah, al-Qabid, al-Basit, al-Khafid, al-Rafi', al-Sami', al-Basir, al-Hakam, al-'Adl, al-Latif, al-Khabir, al-Shakur, al-Kabir, al-Hafiz, al-Muqit, al-Karim, al-Raqib, al-Mujib, al-Hakim, al-Wadud, al-Ba'ith, al-Shahid, al-Wakil, al-Waliyy, al-Samad, al-Muqaddim, al-Muakhhir, al-Wali, al-Muntaqim, al-Ra'uf, Malik al-Mulk, al-Ghaniyy, al-Mughniyy, al-Mani', al-Dar, al-Nafi', al-Nur, al-Hadi, al-Warith, al-Rashid* dan *al-Sabur*. Dengan ini, ia akan mendorongnya untuk menghindarkan dirinya dari ciri-ciri seperti rasuah, khianat, mungkir janji, penyelewengan, salah guna kuasa dan seumpamanya. tidak dapat diterapkan di dalam diri seseorang individu Muslim jika ciri-ciri yang bertentangan dengannya ini turut ada pada dirinya.

## Kesimpulan

Kaedah kefahaman terhadap *al-Asma' al-Husna* boleh difahami berdasarkan tiga peringkat, di mana peringkat pertama, seseorang memberi fokus kepada usaha untuk mencapai *al-ma'rifah* tentang sifat-sifat Allah S.W.T dengan keyakinan yang teguh dan hati yang telah dibersihkan daripada keinginan untuk mencapai matlamat sesuatu yang selain daripada Allah S.W.T. Kemudian, peringkat kedua menekankan pengagungan (*al-isti'zam*) dan pemuliaan (*al-istishraf*) terhadap Allah S.W.T yang mendorong seseorang bersifat (*al-ittisaf*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Dorongan itu melibatkan rindu (*shawq*) dan cinta (*'ishq*) terhadap sifat-sifat-Nya dan sangat menitikberatkan penghiasan diri (*al-tahalli*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna. Jika tidak mampu, maka ia melakukannya berdasarkan kadar kemampuannya yang ada. Pada peringkat terakhir, ia berusaha bersungguh-sungguh (*iktisab*) untuk berakhlak (*al-takhalluq*) dan menghiaskan diri (*al-tahalli*) dengan sifat-sifat tersebut. Ini melayakkan mereka mencapai kedudukan insan *rabbani* di sisi Allah S.W.T dan menjadi rakan rapat (*rafiq*) kepada para malaikat yang berada di kedudukan tertinggi. Peringkat ini juga dikenali sebagai penjelmaan nilai-nilai mulia dalam perilaku diri (*al-tajalli*). Seseorang yang ingin menerapkan ciri *al-amanah*, ia boleh memahami lima puluh empat *al-Asma' al-Husna* tersebut. *Al-Asma' al-Husna* tersebut ialah *al-Rahman, al-Rahim, al-Malik, al-Salam, al-Mu'min, al-Muhymin, al-'Aziz, al-Jabbar, al-Khaliq, al-Bari', al-Musawwir, al-Qahhar, al-Razzaq, al-Fattah, al-Qabid, al-Basit, al-Khafid, al-Rafi', al-Sami', al-Basir, al-Hakam, al-'Adl, al-Latif, al-Khabir, al-Shakur, al-Kabir, al-Hafiz, al-Muqit, al-Karim, al-Raqib, al-Mujib, al-Hakim, al-Wadud, al-Ba'ith, al-Shahid, al-Wakil, al-Waliyy, al-Samad, al-Muqaddim, al-Muakhhir, al-Wali, al-Muntaqim, al-Ra'uf, Malik*

*al-Mulk, al-Ghaniyy, al-Mughniyy, al-Mani', al-Dar, al-Nafi', al-Nur, al-Hadi, al-Warith, al-Rashid* dan *al-Sabur*. Dengan ini, ia akan mendorongnya untuk menghindarkan dirinya dari ciri-ciri seperti rasuah, khianat, mungkir janji, penyelewengan, salah guna kuasa dan seumpamanya. Ia tidak dapat diterapkan di dalam diri seseorang individu Muslim jika ciri-ciri yang bertentangan dengannya ini turut ada pada dirinya..

## Penghargaan

Makalah ini berkaitan dengan projek Skim Geran Penyelidikan Fundamental iaitu FRGS/1/2017/SSI03/UNISZA/03/1 (RR233). Penghargaan khusus kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (MOHE) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang menaja dan menyokong kajian ini.

## Rujukan

- 'Abd al-Hamid al-Madkur, "Ittijahat al-Muslimin Nahwa al-Tasawwuf", dalam *Mawsu'at al-Tasawwuf al-Islami*, ed. Mahmud Hamdi Zaquq (Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 2009).
- 'Abd al-Hamid al-Madkur (Profesor, Jabatan Falsafah Islam, Kuliyyah Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah), dalam temu bual dengan penulis, 2 dan 7 Julai 2010.
- 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, tahqiq Mustafa al-Sayyid Muhammad et al. (Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr, 2000), j. 8.
- \_\_\_\_\_. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, tahqiq 'Abd Allah ibn 'Abd al-Muhsin al-Turki (Giza: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyat al-Islamiyyah, 1998), juz. 16.
- Abu Hamid al-Ghazali, "Bidayat al-Hidayah", dalam *Majmu'at al-Rasa'il al-Imam al-Ghazali*, ed. Maktab al-Buhuth wa al-Dirasat (Beirut: Dar al-Fikr, 2008).
- \_\_\_\_\_. *al-Arba'in fi Usul al-Din* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.).
- \_\_\_\_\_. *al-Maqsad al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna*, tahqiq Abu Sahl dan Najah 'Iwad Siyam (Kaherah: Dar al-Muqtim, 2008).
- \_\_\_\_\_. *Ihya' 'Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), juz. 3 dan 4.
- \_\_\_\_\_. *Mukashafat al-Qulub* (al-Haram: Matba'at al-Irshad, 1990).
- Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*, tahqiq 'Abd Allah ibn 'Abd al-Muhsin al-Turki (Kaherah: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah, 2001), juz. 14.
- Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar al-'Asqalani. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari*, tahqiq 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamd. Riyadh: Maktabat al-Malik Fahd al-Wataniyyah, 2001, juz 13.
- Al-Mawrid Qamus Inklizi-'Arabi*. Ed. Munir al-Ba'albaki. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, 1991.
- Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* (t.tp.: al-Munzamat al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, t.t.).
- al-Mu'jam al-Wasit*, ed. Majma' al-Lughat al-'Arabiyyah, cet. ke-3 (t.tp.: Majma' al-Lughat al-'Arabiyyah, t.t.), j. 1.
- \_\_\_\_\_. ed. Mujamma' al-Lughat al-'Arabiyyah (Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, 2005).
- Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*, cet. ke-30 (Beirut: Dar al-Mashriq, 1988).
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Kaherah: al-Matba'at al-Misriyyah bi al-Azhar, 1930, juz. 13.

- Fakhr al-Din al-Razi, *Tafsir al-Fakhr al-Razi al-Mushtahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb* (Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1981), juz. 26.
- Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- M. Quraish Shihab, *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an* (Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2005).
- Mehmet Vural, "Classic Logic of Al-Ghazali Methodology", *Journal of Islamic Research*, volume. 3, no: 2, (2010).
- Mohd Abduh bin Abu Samah@Hashim, "Pemikiran Akidah al-Imam al-Ghazzali Dalam Kitab Ihya' 'Ulum al-Din: Analisis Terhadap Kitab Qawa'id al-'Aqa'id" (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006).
- Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, "Al-Ghazzali and His Refutation of Philosophy", *Jurnal Usuluddin*, bil. 21 (2005).
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *al-Asma' al-Husna* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011).
- Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari" dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 188 (Kitab fi al-Istiqrar wa Ada' al-Duyun wa al-Hajr wa al-Taflis, Bab al-'Abd Ra' fi Mal Sayyidih wa la Ya'mal illa Biidhnih, no. hadis 2409).
- Mustafa Abu-Sway, *al-Ghazzaliyy: A Study In Islamic Epistemology* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), 1996).
- Shihab al-Din Abu al-Falaj 'Abd al-Hayy ibn Ahmad ibn al-'Imad, *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar Man Dhahab*, tahqiq Mahmud al-Arna'ut (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1989), juz. 5.
- Su'ad al-Hakim, *al-Mu'jam al-Sufi* (Beirut: Dandarrah li al-Tiba'ah wa al-Nashr, 1981).